



Amanat terakhir Muhyiddin kepada pegawai Jabatan Perdana Menteri



TAN Sri Muhyiddin Yassin

Oleh Aqilah Mior Kamarulbaid 21 Ogos 2021, 12:38 pm

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi.

Datuk Marzuki, Ketua Setiausaha Sulit,
Rakan-rakan, pegawai-pegawai di Jabatan Perdana Menteri (PMO), yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, terima kasih kerana berpeluang untuk berjumpa untuk

mengucapkan *farewell*, selamat tinggal. Sebagaimana yang disebutkan oleh Datuk Marzuki tadi, hari ini saya telah memutuskan untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong dan tujuannya tidak lain ialah untuk menyerahkan surat untuk perletakan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Apa pun, saya nanti waktu menghadap mungkin ada masa sebelum itu, sebelum menyerahkan, untuk menyampaikan satu dua perkara pandangan sayalah, kerana kedudukan saya sebagai Perdana Menteri tak boleh dapat terus kekal kerana mengikut Perlembagaan Malaysia sekiranya saya rasa saya telah tak dapat sokongan majoriti Ahli-Ahli Parlimen maka saya sebagai Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan.

So, itu apa yang telah pun dijelaskan dan saya, sebagaimana biasa, seorang manusia yang sentiasa ikut peraturan-peraturan, tunduk kepada apa-apa yang ada dalam perlembagaan kerana bilamana saya mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri saya telah berjanji bahawa saya akan menjunjung Perlembagaan negara, institusi Raja dan sebagainya, di bawah sistem Demokrasi Berparlimen kita.

Itu adalah satu perkara yang tak boleh saya ingkari walaupun di luar sana rayuan, saya tak pernah terima mesej yang, tak tahulah, tak boleh saya layan, apa nak jawab, terima kasih pun tak boleh, kerana mohon supaya saya terus kekal untuk menjalankan tugas kerana apa yang telah mereka lihat mungkin dalam setahun ke lebih 17 bulan lebih kurang, mungkin mereka agak faham bahawa tugas dan tanggungjawab yang saya terpaksa pikul agak luar biasa, *in most difficult of times, in unprecedented times*.

Namun kerana itu adalah satu amanah, kita cuba buat apa yang saya fikir terbaik untuk negara. Saya tidak nak orang kata bercerita panjang tapi dalam tempoh sependek itu dan saya mungkin adalah Perdana Menteri yang paling pendek memegang jawatan, saya kira saya telah buat apa yang saya fikir diperlukan untuk menyelamatkan nyawa rakyat jelata, menentukan mereka ada makanan di atas meja dan nyawa mereka selamat.

These are very very key important aspects of life of a nation. The thing I am, mungkin kerana Allah mengangkat saya di darjat ini untuk tujuan itu agaknya. Now, alhamdulillah, di penghujung journey yang saya hadapi pada hari ini, kita dah lihat usaha yang saudara-saudara telah buat bersama saya di PMO dan apa lagi seluruh penjawat awam yang ada di semua peringkat di negara kita, *I think we have come to some success.*

vaksinasi luar biasa dan diumumkan pada hujung Oktober hampir sampai ke *herd immunity*. Kuala Lumpur semalam saya dengar pun dah mencecah tahap *full herd immunity*, lebih 80 peratus dewasa telah disuntik. Dan ini satu pencapaian yang agak luar biasa. *Some countries are still struggling to get vaccine. We have got more than enough*. Itu strategi saya.

Dan waktu mana mula-mula kita nak mencari vaksin belum ada, rupa-rupa dah ditemui, maka saya telah buat satu keputusan luar biasa untuk membuat pesanan, beli vaksin menerusi *Covax facility*. Ini satu badan yang terbentuk untuk membantu negara-negara miskin. Jadi walaupun kita bukan negara miskin, dia menawarkan kita, jadi kita beli vaksin, di waktu itu tak ada tahu harga pun.

Saya buat keputusan arah pada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Menteri MOSTI, Khairy Jamaluddin (KJ), *buy*. *So, I think we did the right thing*. Dan lepas itu apa saja yang ada, beli, beli, beli. Negara lain kadang-kadang lupa nak beli. Kita tahu ada negara lebih maju daripada kita terlupa nak beli. Atau pun dia fikir dia terselamat, dan bila dia menghadapi masalah bencana, pandemik, mereka terkial-kial mendapatkan vaksin.

Alhamdulillah, itu cara saya bekerja. Memang tak banyak cakap. Muka pun tak *handsome* macam tuan-tuan. Kalau di sini saya yang paling tua, 74 nak masuk 75, tapi masih boleh tegak berdirilah. Sebab tu bila dah sampai sekarang ini ialah kerana nampaknya di luar sana ada pihak yang agak gila kuasa, dalam keadaan orang susah.

Tak pernah saya lihat manusia di Malaysia ni susah sebegitu rupa. Saya turun ke lapangan, balik ke kawasan hari tu, saya bekalkan ayam, daging, ikan, sayur, *which I have never done in the whole of my career as Ahli Parlimen* di situ, di

Pagoh. Pasal, pada waktu-waktu biasa, ini biasa boleh diuruskan oleh keluarga sendiri kecuali kalau yang termiskin, tapi saya tak pernah buat.

But this time around, I went down there, I got thousands of these so-called fresh rations dihantar. *Why?* Dia dah tak ada duit lagi. Nak makan pun tak ada. Saya rasa bertanggungjawablah *because I am the Prime Minister*. Tetapi kalau kata saya yang bertanggungjawab kerana saya tak buat apa-apa, itu tak betullah.

We tried but it is tough. *Lockdown* tak henti-henti sampai sekarang. Saya tak tahulah. Saya dah lupa berapa kali dah *lockdown*. Tapi *lockdown* tak pernah *lockout*. Pasal mana kita terpaksa buat begitu. Nyata ada pihak kata kurang berkesan *but it has effect on saving a lot of lives as well*.

Now kita dah *announce* semalam yang terakhirlah agaknya, Datuk Ainin, *we released my decision to open up more and better soon nanti sampai ke*

released my decision to open up more and berterusan nanti sampai ke penghujung since sebelum akhir tahun semua sektor ekonomi boleh terbuka.

So it is just about one year that we struggled and one year we achieved. That I think is a record of sort. Ini saya terpaksa mendabik dada sedikit pasal tak ada orang nak puji saya pun. Dan saya tak minta mereka memuji saya, pasal kita tahu apa yang kita buat. Tak pernah abai.

Covid ini dah sejak awal lagi kita hadapi sampai sekarang. Jemaah Menteri yang saya bentuk dan kerajaan yang telah terbentuk selama ini kerja tak ada apa, Covid, Covid, Covid, Covid, Covid, Covid, Covid, Covid. Siang malam, siang malam. Pagi subuh tengok berapa data, angka. *So if people said that we did not do what we should be doing I think they are wrong.*

Baik, saya tak nak bercakap soal itu, tapi saya nak menyatakan terima kasih kerana sejak saya menjadi Perdana Menteri mungkin saya tak dapat jumpa semua. Jumpa adalah kumpulan-kumpulan, *but not* sekali gus begini, *but I guess that you have been working as good and hard as possible* dalam keadaan yang susah. Kadang-kadang *work from home* tapi di PMO ni saya fikir sebahagian besar pun tak *work from home because we have to be here, because it is the nadi negara.*

Segala apa yang kita ungkapkan di sini didengar oleh rakyat seluruh Malaysia. Apa yang kita lakukan di sini, baik langkah kita, tutur kata kita, bahasa kita, semua dinilai oleh rakyat. Tak jawab telefon pun orang marah kita. Jawab panjang-panjang pun satu hal juga. Tak tengok fail lagi satu hal. Menjawab apa yang mereka tuntutan satu hal.

Saya dah berada dengan kerajaan ni dah hampir, tak tahu berapa tahun, dekat hampir 44, 45, tahun agaknya. Dah dua kali patut pencen. *But whatever it is so I know in and out.* Sebab tu kalau saya memimpin mesyuarat Jemaah Menteri, sebahagian besar daripada portfolio yang ada di hadapan saya oleh Menteri-Menteri tu saya tahu, nak kata semua tidak, tapi sebahagian besarnya.

So that has given me a lot of orang kata pengalaman yang boleh membantu untuk saya menguruskan negara. *So as you can see, I think* pentadbiran kerajaan kita walaupun dalam keadaan sukar, masih mampu untuk diteruskan. Kita meneliti bagaimana kita nak membantu rakyat dan kesan Covid ni cukup mendalam, dari segi rakyat secara individu ataupun ekonomi secara menyeluruhnya. *So there is a lot of work that need to be done.*

Tetapi agaknya pagi tadi lepas Subuh bersama jemaah dengan isteri saya, duduk biasa begitulah, after Subuh duduk sekeping, about 5 to 10 minutes duduk

duduk, biasa begitulah, after about 5 to 10 minutes duduk berbual, and she told me, "How do you feel?" I said, "I feel relieved that this burden that is on me as a Prime Minister now is no more after today."

And bila letak atas bahu ni, macam saudara juga, ada jawatan, ada amanah, itu berat. Sebab tu saya kena buat betul. Betul pasal bukan saya kata betul tapi Allah kata ini yang betul. *Risky. You don't do what you think is right, you do what is right. So that is the difference there. You might think this is right but Allah kata tu tak betul.* Saya berpandu pada itu.

Soal rasuah tak boleh, bukan pasal tak boleh kerana tak boleh, sebab hukumnya haram. Orang mencuri duit, tu hukumnya salah. Merompak, itu juga tak boleh. Sebab itu saya tegak berdiri, istiqamah atas dasar prinsip undang-undang dan hukum. Mungkin luar biasalah. Bukanlah saya kata saya begitu orang lain pun ada juga buat begitu, tapi ramai juga yang lupa.

Sebab itu saya sanggup bercakap dan berkata apa yang benar, ya, walaupun pahit. Berkata yang benar walaupun itu pahit. *So this is the prinsip yang saya ada.* Saya tak tahulah saudara nak ikutkah tidak. Sebagai pengata akhirnya itulah nasihat saya, *that we are here*, ini perjalanan kita ini laluan saja, siratal mustaqim. Nak sampai ke mana? Ke sana tu, jannatul naim. Jadi pertimbangan kita ni bukan duniawi. Sebab itu, bagi saya, hilang jawatan Perdana Menteri itu duniawi. Saya tak boleh bawa ke mana pun.

Mungkin adalah penulis sejarah tulis kat dia punya *keynote, footnote, that there was one Prime Minister* ni, nama dia Muhyiddin Yassin atau Mahiaddin Yassin, menjadi Perdana Menteri ke-8, inilah yang dia buat. Mungkin dia punya para, dia punya bab tu, mungkin kecil saja pasal saya tak lama kan.

But I think I should be proud that we have tried. So it is a question of principle, I must tell you, important. Do what Allah says is right. Don't do what Allah says is not right. Fight against evil. Ya, itu pokoknya.

Jadi kalau kita berpegang kepada hukum sebegini, insya Allah hidup kita selamat. Waktu saya ditendang, ini kalau kerusi ini boleh bercakap, buka suis, situ Datuk Najib, sini saya. Selepas tak sampai setengah jam dia tendang saya keluar. Balik pejabat TPM, panggil ni semua ni, sahabat, saya dah tak kira macam pegawai lagi dah.

Tak lama saya duduk, cakap, *"Sorry, we have to pack up. I just met Najib, he sacked me"*. Lepas tu saya took up meja macam ni. Mungkin pegawai pun duk cerita, "Tan Sri tak ambil lama masa, ada orang tunggu sampai satu hari nak clearkan pejabat". Saya ambil satu buku, novel, yang dibagi oleh kawan, entah apa nama kawan itu.

apa nama kuwanti itu.

I have nothing secret in my table, or in my laci, atau surat-surat rahsia apa, tak ada, tak ada, because I don't think I need to do that. Maksud saya tadi, clear cepat, habis, because we know we didn't do anything wrong. So here again today tak taulah sejarah macam gitu, berulang balik, saya datang balik ke pejabat ni. Jadi that is what kehidupan is all about, what goes up may be must come down, but what goes down now, insya Allah, I will come back.

So pesanan saya tak ada banyaklah. *Just do what you think is best.* Saya tahu saya pernah jadi Penolong Pegawai Daerah. Jadi tanggungjawab kita di zaman susah ni amat besar dan paling sukar. But trust me you can do it. *I have great respect and confidence in you because I was there before, short 3 years, lepas tu saya resign, masuk swasta, tak fikir nak jadi Perdana Menteri pun satu hari. Allahu Akbar. Jadi sebab itu, do what you think is best.*

Kalau ada kesilapan kerana saya tak berpeluang untuk berjumpa selalu tapi saya fikir kumpulan-kumpulan kita jumpa. Tiap-tiap kerja yang saudara lakukan saya *appreciate. And to a certain extent, a large extent, people know that the PMO is one the prestigious departments in the country with the Prime Minister as the head of the department and doing what we believe we need to do for the sake of the nation. Every single thing that we decide has a lot of implication not to just you or to just here, Putrajaya, but to the whole country.*


So if you bear that in mind, then you can imagine this big task that you have ahead is very very important to make sure that our mission will succeed. Jadi sebab itulah saya nak menyatakan rasa terima kasih. Minta maaf kalau banyak kekurangan waktu saya berada di sini dan mungkin ada kesilapan kesalahan apa-apa saya mohon maaf kepada saudara-saudara. Terima kasih.

I have to say goodbye after this. Thank you.


Assalamualaikum.

BERITA SELANJUTNYA


by



Ibu Syamel meninggal dunia



“Saya pernah ditindih” – Bilik Zarul Umbrella...



“Tiada guna berdendam, sakit hati” – Shuib...

AD

Pelaburan Bitcoin
RM1,000 Yang Membu...

Pelumba Malaysia hilang
dari radar?

Gembira anak saudara
bergelar isteri Perdana...

Doakan urusan jenazah
dipermudahkan...

Lebih 100 dijangkiti
Covid-19 selepas bedah...

Keabsahan Ismail Sabri
terkuai...



POPULAR



**Fisiologi kehamilan punca mudah
dijangkiti Covid-19**

23 Ogos 2021, 10:00 am



'Semangat saja tidak cukup'

23 Ogos 2021, 10:00 am





Afghanistan ada RM4.24 trilion sumber mineral

23 Ogos 2021, 10:00 am



[VIDEO] 'Saya ke Kedah' – PM

23 Ogos 2021, 9:52 am

[Covid-19 sifar atau hidup bersama pandemik](#)

[Lawat mangsa banjir tugas pertama Ismail Sabri](#)

[Pokok strawberi hidup subur di Rembau](#)

[Parah ditetak akibat burung Murai Cerek](#)

[‘Saya akan tatap gambar arwah bapa sebelum tidur’](#)

[Sepakat selamatkan Keluarga Malaysia](#)

BERITA BERKAITAN





Harapan berani, tepat

23 Ogos 2021, 9:00 am



Bekerja bersama rakyat

23 Ogos 2021, 9:00 am



Sandiwara AS di bumi Afghanistan

23 Ogos 2021, 9:00 am





Anak muda harapan ubah politik negara

23 Ogos 2021, 8:30 am

PERIKERAN BARU
Utusan
Malaysia



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami